

Headline	Sasaran pengurangan kes baharu HIV mungkin dicapai awal, kata liow		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	01 Dec 2012	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	23,655
Page No	11	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	133 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 266
Frequency	Daily	PR Value	RM 798



Sasaran pengurangan kes baharu HIV mungkin dicapai awal, kata Liow

KUALA LUMPUR: Sasaran kerajaan untuk mengurangkan kejadian kes baharu HIV kepada 11 bagi setiap 100,000 penduduk pada 2015 mungkin dapat dicapai lebih awal, kata Menteri Kesihatan Datuk Seri Liow Tiong Lai.

Dalam perutusan khas sempena sambutan Hari Aids Sedunia esok, beliau berkata menerusi langkah pencegahan yang dilaksanakan secara menyeluruh, bilangan kes baharu HIV yang dikesan menurun kepada 6,756 sejak 2003.

Beliau berkata penurunan itu berlaku secara berterusan, dan pada tahun lepas, hanya 3,749 kes baharu HIV dikesan dengan kadar 12.2 bagi setiap 100,000 penduduk.

"Bagi sembilan bulan pertama tahun ini, sebanyak 2,544 kes jangkitan HIV baharu dilaporkan. Sekiranya bilangan kes bulanan tidak

banyak berubah, dianggarkan bilangan kes HIV bagi tahun ini ialah sebanyak 3,392 kes, atau dengan kadar 11.8 kes bagi setiap 100,000 penduduk.

"Oleh itu, kemungkinan besar sasaran bagi tahun 2015 akan dapat dicapai lebih awal lagi," katanya.

Tema global sambutan Hari Aids Sedunia bagi 2011-2015 ialah 'Menuju Sifar' manakala pada tahun ini, Malaysia memilih slogan 'Menuju Sifar Kematian Berkaitan AIDS'.

Liow berkata kerajaan telah memperluas aktiviti saringan meliputi pelbagai kategori bagi pengesanan awal kes HIV dan memberi rawatan awal kepada mereka yang layak sebagai usaha ke arah sifar kematian berkaitan AIDS.

Beliau berkata antara aktiviti yang memberi impak besar ialah usaha menangani transmisi vertikal. -Bernama